



Bil. (18)dlm.PKNP/KP/100-11

SURAT PEKELILING AM PKNP BIL. 1 TAHUN 2017



SIRIM
CERTIFIED TO MS ISO 9001
Registration No: AR 1590

**GARIS PANDUAN POLISI PENERIMAAN DAN PEMBERIAN HADIAH
ANGGOTA PEKERJA PKNP**

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Anggota Pekerja PKNP berhubung Garis Panduan Polisi Penerimaan dan Pemberian Hadiah Anggota Pekerja PKNP.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Berdasarkan Para 5 dan Para 9 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998, pegawai awam tidak boleh menerima atau memberi hadiah dalam apa bentuk sekalipun jika ia ada hubungan dengan tugas rasminya. Walau bagaimanapun, dalam keadaan yang sukar ditolak dan ragu-ragu maka seseorang pegawai itu hendaklah dengan seberapa segera melaporkan secara bertulis kepada Ketua Jabatannya untuk kebenaran.

2.2 Dalam usaha meningkatkan integriti serta mengekang penyalahgunaan kuasa yang boleh diinterpretasikan sebagai rasuah, satu garis panduan mengenai pemberian dan penerimaan hadiah diwujudkan agar pelaksanaan tugas rasmi harian dijalankan dengan telus di kalangan Anggota Pekerja PKNP.

3.0 GARIS PANDUAN POLISI PENERIMAAN DAN PEMBERIAN HADIAH ANGGOTA PEKERJA PKNP

A) SYARAT-SYARAT MELULUSKAN PENERIMAAN HADIAH OLEH ANGGOTA PEKERJA PKNP

Permohonan anggota pekerja untuk menerima hadiah yang dibenarkan hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut :-

i. Hendaklah memastikan hadiah yang diterima itu dibenarkan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan di bawah garis panduan ini.



- ii. Penerimaan hadiah itu tidak menimbulkan syak pegawai penerima menggunakan kedudukan awamnya atau kuasa yang ada padanya untuk memperoleh hadiah itu.
- iii. Mengambil kira kekerapan pegawai tersebut menerima hadiah.
- iv. Hubungan antara pegawai dengan pemberi hadiah tersebut, khususnya mengenai tugas-tugas dan kuasa yang ada pada pegawai itu.
- v. Kepentingan Jabatan secara keseluruhan.

B) SYARAT-SYARAT MELULUSKAN PENERIMAAN HADIAH OLEH BAHAGIAN/UNIT DI PKNP

Kelulusan penerimaan hadiah adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan berikut:-

- i. Hadiah yang diterima hendaklah diberikan oleh penderma secara percuma tanpa sebarang syarat dan ikatan. Penderma-penderma pula tidak mempunyai apa-apa kepentingan dengan Kerajaan.
- ii. Hendaklah dipastikan barang-barang atau peralatan yang dihadiahkan adalah belum terpakai dan alat-alat gantinya pula mudah diperolehi serta memberi manfaat atau faedah kepada Jabatan atau Negara amnya.
- iii. Sesuatu hadiah itu diberikan oleh penderma secara sukarela dan bukan atas permintaan Jabatan Kerajaan yang berkenaan. Jabatan Kerajaan adalah dilarang menjalankan usaha bagi mendapatkan hadiah atau derma dari mana-mana pihak samada pertubuhan atau orang perseorangan.
- iv. Penerimaan sesuatu hadiah itu tidak akan menyebabkan pewujudan jawatan baru bagi mengendalikannya. Dalam hal ini Pengurus Bahagian/Unit hendaklah memastikan bahawa anggota pekerja seliaannya yang terlatih telah sedia ada dan mencukupi untuk mengendalikan hadiah yang diterima.
- v. Peruntukan PKNP adalah mencukupi bagi membiayai penyelenggaraan hadiah yang diterima.
- vi. Semua hadiah yang telah diulaskan penerimaannya hendaklah dimasukkan ke dalam inventori Jabatan.
- vii. Semua hadiah yang berupa wang tunai hendaklah diambil tindakan dengan mewujudkan akaun amanah yang sesuai.



C) HAD NILAI PEMBERIAN/PENERIMAAN HADIAH DI PKNP

Hadiah Cenderahati, Korporat dan Hospitaliti di Dalam atau Luar Negara yang melebihi RM150.00 mesti mendapatkan kelulusan dari Ketua Pegawai Eksekutif PKNP dengan melengkapkan borang yang telah disediakan. Manakala jika nilai pemberian tersebut bernilai dibawah RM150.00, maka tidak memerlukan kelulusan dan hanya perlu melaporkan kepada Pengurus Bahagian/Unit dengan mengisi borang yang disediakan.

4.0 TARIKH KUATKUASA DAN PEMAKAIAN PEKELILING

Surat Pekeliling Am ini berkuatkuasa **mulai 01 Mac 2017** dan setiap anggota pekerja PKNP adalah tertakluk untuk mematuhi Garis Panduan yang ditetapkan di Para 3.0.

“MENGGERAK MEMBINA KEMAKMURAN”

Saya dengan hormatnya,



DATO' HAJI ABDUL RAHIM BIN MOHD ALI, DIMP., SMP., AMP.
Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

Bertarikh : 20 Februari 2017

Edaran Kepada

Semua Anggota Pekerja
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang